- (A) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “in respect of a Non-Qualified Refundable Tax Credit” dengan perkataan “other than a Qualified Refundable Tax Credit and Marketable Transferable Tax Credit”; dan
- (B) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) any amount of credit or refund for Covered Taxes, except for a Qualified Refundable Tax Credit or Marketable Transferable Tax Credit, to a Constituent Entity that is not treated as an adjustment to current tax expense in the financial accounts;”;

- (f) dalam subseksyen 173(6), dengan memasukkan selepas perkataan “adjustment” perkataan “under subsections (1) to (5)”;
- (g) dengan memotong subseksyen 176(2);
- (h) dalam subseksyen 177(1)—
  - (i) dalam formula, dalam huraian C, dengan menggantikan perkataan “subsection 169(3) or 181(1)” dengan perkataan “subsections 169(3) and (4) or subsection 181(1)”;
  - (ii) dalam formula, dalam huraian D, dengan memotong perkataan “the Domestic Top-up Tax, being”;
- (i) dalam subseksyen 180(9), dengan memasukkan selepas perkataan “amortisation,” perkataan “impairment loss”;
- (j) dalam subseksyen 181(3), dengan menggantikan perkataan “paragraph” dengan perkataan “section”;
- (k) dengan memotong subseksyen 192(12);
- (l) dengan menggantikan seksyen 197 dengan seksyen yang berikut:

**“Transitional relief for the Substance-based Income Exclusion**

**197.** (1) For the purpose of applying subsection 180(4) to a Financial Year beginning in the calendar year of 2025 and subsequent calendar years until the calendar year of 2032, the amount of payroll carve-out for each Financial Year shall be computed according to the following rate:

| Financial Year beginning in the following calendar year | Rate |
|---------------------------------------------------------|------|
| 2025                                                    | 9.6% |
| 2026                                                    | 9.4% |
| 2027                                                    | 9.2% |

| Financial Year beginning in the<br>following calendar year | Rate |
|------------------------------------------------------------|------|
| 2028                                                       | 9.0% |
| 2029                                                       | 8.2% |
| 2030                                                       | 7.4% |
| 2031                                                       | 6.6% |
| 2032                                                       | 5.8% |

(2) For the purpose of applying subsection 180(5) to a Financial Year beginning in the calendar year of 2025 and subsequent calendar years until the calendar year of 2032, the amount of tangible asset carve-out for each Financial Year shall be computed according to the following rate:

| Financial Year beginning in the<br>following calendar year | Rate   |
|------------------------------------------------------------|--------|
| 2025                                                       | 7.6%   |
| 2026                                                       | 7.4%   |
| 2027                                                       | 7.2%   |
| 2028                                                       | 7.0%   |
| 2029                                                       | 6.6%   |
| 2030                                                       | 6.2%   |
| 2031                                                       | 5.8%   |
| 2032                                                       | 5.4%”; |

(m) dalam subperenggan 199(1)(a)(iv), dengan menggantikan perkataan “paragraphs” dengan perkataan “subparagraphs”;

(n) dalam seksyen 220—

(i) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “subsection (2)” dengan perkataan “subsection (3)”;

(ii) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “Where” dengan perkataan “Subject to subsection (6), where”; dan



(iii) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “subsection (7)” dengan perkataan “subsection (6)”; dan

(o) dengan menggantikan perenggan 239(b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) section 138 shall apply to this Part and the reference to “the income of any person or partnership” in the definition of “classified material” in subsection 138(5) shall be construed as a reference to “the tax of any Constituent Entity”; and”.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”), Akta Kewangan 2012 (“Akta 742”) dan Akta Kewangan (No. 2) 2023 (“Akta 851”).

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 6(1)(r) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa cukai pendapatan hendaklah dikenakan atas pendapatan dividen seorang individu yang merupakan pemegang syer syarikat, sama ada melalui pemegangan syer langsung atau melalui penama jika pendapatan itu adalah disifatkan sebagai diperoleh dari Malaysia menurut seksyen 14 Akta 53, pada kadar yang dinyatakan di bawah Bahagian XXII Jadual 1 kepada Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 15C Akta 53.

*Perenggan 5(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 15C(1) Akta 53 berbangkit daripada kemasukan subseksyen baharu 15C(2A) ke dalam Akta 53, untuk memperuntukkan bahawa pemakaian subseksyen 15C(1) Akta 53 turut tertakluk kepada subseksyen baharu 15C(2A).

*Subperenggan 5(b)(i)* bertujuan untuk meminda subseksyen 15c(2) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa pelupusan aset modal di bawah seksyen 15c Akta 53 terpakai bagi syer suatu syarikat relevan yang diperoleh oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi.

*Subperenggan 5(b)(ii)* bertujuan untuk menggantikan perenggan 15c(2)(b) Akta 53 berbangkit daripada kemasukan takrif baharu “another controlled company”.

*Subperenggan 5(b)(iv)* bertujuan untuk memasukkan proviso baharu ke dalam subseksyen 15c(2) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika pada mana-mana tarikh suatu syarikat relevan melupuskan harta tanah yang terletak di Malaysia atau syer syarikat terkawal lain atau kedua-duanya dan dengan pelupusan itu, nilai tertentu harta tanah yang terletak di Malaysia atau syer syarikat terkawal lain itu atau kedua-duanya yang dimiliki oleh syarikat relevan itu menjadi kurang daripada tujuh puluh lima peratus daripada nilai jumlah aset ketaranya, syarikat relevan itu tidak lagi dianggap sebagai suatu syarikat relevan di bawah subseksyen 15c(1) Akta 53 dari tarikh pelupusan itu.

*Perenggan 5(c)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 15c(2A) ke dalam Akta 53 untuk menjelaskan bahawa jika suatu syarikat relevan merupakan suatu syarikat harta tanah di bawah Akta 169 sebelum 1 Januari 2024, tarikh pemerolehan syer syarikat relevan itu sebagai suatu syarikat harta tanah sebagaimana yang ditentukan mengikut subperenggan 34A(2) Jadual 2 kepada Akta itu adalah disifatkan sebagai tarikh pemerolehan syer syarikat relevan itu di bawah seksyen 15c Akta 53.

*Perenggan 5(d)* bertujuan untuk meminda subseksyen 15c(3) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika nilai tertentu harta tanah yang terletak di Malaysia atau syer syarikat terkawal lain atau kedua-duanya yang dimiliki suatu syarikat relevan adalah kurang daripada tujuh puluh lima peratus daripada nilai jumlah aset ketara syarikat relevan itu dan syarikat relevan itu kemudiannya memperoleh harta tanah yang terletak di Malaysia atau syer syarikat terkawal lain atau kedua-duanya dan dengan pemerolehan itu, nilai tertentu itu meningkat kepada tujuh puluh lima peratus atau lebih, tarikh pemerolehan syer syarikat relevan itu oleh suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi adalah disifatkan sama dengan tarikh pemerolehan harta tanah atau syer syarikat terkawal lain atau kedua-duanya yang terkemudian oleh syarikat relevan itu.

*Subperenggan 5(e)(i)* bertujuan untuk meminda subseksyen 15c(4) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika subseksyen 15c(3) Akta 53 terpakai, harga pemerolehan syer suatu syarikat relevan adalah disifatkan sama dengan jumlah sebagaimana yang ditentukan mengikut formula dalam perenggan 15c(4)(a) Akta 53.

*Subperenggan 5(e)(ii)* bertujuan untuk meminda subseksyen 15c(4) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa jika subseksyen 15c(2) Akta 53 terpakai, harga pemerolehan syer suatu syarikat relevan adalah ditentukan mengikut perenggan 65E(2)(b) atau subseksyen 65E(8) Akta 53.

*Perenggan 5(f)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 15C(4A) ke dalam Akta 53 untuk menjelaskan bahawa jika suatu syarikat relevan ialah suatu syarikat harta tanah di bawah Akta 169 sebelum 1 Januari 2024, harga pemerolehan syer syarikat relevan itu sebagai suatu syarikat harta tanah sebagaimana yang ditentukan mengikut subperenggan 34A(3) Jadual 2 kepada Akta itu adalah disifatkan sebagai harga pemerolehan syer syarikat relevan itu di bawah seksyen 15C Akta 53.

*Perenggan 5(g)* bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “another controlled company” ke dalam subseksyen 15C(5) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa syarikat terkawal lain merupakan suatu syarikat terkawal yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia (termasuk apa-apa hak dan kepentingan atasnya) atau syer dalam syarikat terkawal lain, atau kedua-duanya, dan nilai tertentu harta tanah atau syer atau kedua-duanya adalah tidak kurang daripada tujuh puluh lima peratus daripada nilai jumlah aset ketaranya.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 34(6) Akta 53.

*Perenggan 6(a)* bertujuan untuk menggantikan perenggan 34(6)(h) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi syarat baharu untuk potongan di bawah perenggan itu berhubung dengan sumbangan yang dibuat kepada suatu projek amal atau komuniti. Jika amaun sumbangan itu adalah lebih daripada tiga ratus ribu ringgit, sumbangan itu hendaklah ditentukan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan dan projek amal atau komuniti itu hendaklah diluluskan oleh Menteri Kewangan. Bagi amaun sumbangan yang tidak lebih daripada tiga ratus ribu ringgit, sumbangan dan projek amal atau komuniti itu hanya perlu ditentukan dan diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan.

*Perenggan 6(b)* bertujuan untuk menggantikan perenggan 34(6)(ha) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan bagi syarat baharu untuk potongan di bawah perenggan itu berhubung dengan perbelanjaan atas penyediaan infrastruktur. Jika amaun perbelanjaan itu adalah lebih daripada tiga ratus ribu ringgit, perbelanjaan itu hendaklah ditentukan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan dan penyediaan infrastruktur itu hendaklah diluluskan oleh Menteri Kewangan. Bagi amaun perbelanjaan yang tidak lebih daripada tiga ratus ribu ringgit, perbelanjaan dan penyediaan infrastruktur itu hanya perlu ditentukan dan diluluskan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2025.

5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda perenggan (k) dalam takrif “organization” dalam subseksyen 44(7) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa perkataan “serious disease” yang disebut dalam perenggan itu ditakrifkan di bawah subseksyen 2(1) Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 45A(1) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa amaun bagi potongan perseorangan seorang isteri yang suaminya ialah orang kurang upaya dinaikkan daripada lima ribu ringgit kepada enam ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 46(1) Akta 53.

*Perenggan 9(a)* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(c) Akta 53 untuk meluaskan ruang lingkup potongan bagi orang perseorangan—

- (a) untuk merangkumi perbelanjaan rawatan perubatan, rawatan pergigian, pemeriksaan perubatan lengkap, keperluan khas dan penjaga bagi datuk dan nenek; dan
- (b) berhubung dengan pemeriksaan perubatan lengkap bagi merangkumi penvaksinan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

*Perenggan 9(b)* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(e) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa potongan perseorangan bagi orang kurang upaya dinaikkan daripada enam ribu ringgit kepada tujuh ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

*Perenggan 9(c)* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(h) Akta 53 bagi meluaskan ruang lingkup potongan perseorangan untuk merangkumi perbelanjaan bagi pembelian peranti perubatan ujian sendiri yang berdaftar di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 [*Akta 737*] dan pembayaran fi bagi ujian pengesanan penyakit yang dibelanjakan untuk diri sendiri, pasangan atau anaknya.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

*Perenggan 9(d)* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(ha) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa potongan perseorangan bagi perbelanjaan yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan oleh seseorang individu atas anaknya yang berumur lapan belas tahun dan ke bawah berkenaan dengan penilaian bagi maksud diagnosis, program intervensi awal atau rawatan pemulihan bagi kurang upaya pembelajaran dinaikkan daripada empat ribu ringgit kepada enam ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

*Perenggan 9(e)* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(k) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa salah seorang ibu bapa layak untuk potongan maksimum lapan ribu ringgit yang didepositkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional masing-masing bagi anak mereka dan potongan itu tidak mengambil kira apa-apa amaun yang telah dikeluarkan daripada akaun itu bagi maksud perbelanjaan pendidikan tinggi anak itu.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2025 hingga tahun taksiran 2027.

*Perenggan 9(f)* bertujuan untuk meminda perenggan (c) proviso kepada perenggan 46(1)(r) Akta 53 untuk melanjutkan tempoh selama tiga tahun dari tahun taksiran 2025 kepada tahun taksiran 2027 bagi potongan lanjutan sebanyak satu ribu ringgit berkenaan dengan bayaran bagi yuran asuhan kanak-kanak kepada taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] atau suatu tadika yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] bagi kanak-kanak yang berumur enam tahun dan ke bawah.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2025 hingga tahun taksiran 2027.

*Perenggan 9(g)* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(u) Akta 53 untuk meluaskan ruang lingkup potongan di bawah perenggan itu kepada perbelanjaan atas pembelian kelengkapan sukan bagi apa-apa aktiviti sukan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576], bayaran sewa atau fi masuk ke mana-mana kemudahan sukan, fi pendaftaran bagi apa-apa pertandingan sukan yang penganjurnya diluluskan dan dilesenkan oleh Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta 576 dan fi bagi keahlian gimnasium atau latihan sukan yang disediakan oleh kelab sukan atau pertubuhan yang didaftarkan dengan Pesuruhjaya Sukan atau suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] untuk ibu bapa yang bermastautin di Malaysia.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

*Perenggan 9(h)* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(v) Akta 53 bagi meluaskan ruang lingkup potongan perseorangan di bawah perenggan itu bagi perbelanjaan pembelian mesin kompos sisa makanan yang digunakan bagi maksud isi rumah.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2025 hingga tahun taksiran 2027.

8. *Fasal 10* bertujuan untuk menggantikan seksyen 46B Akta 53. Pindaan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi suatu potongan baharu bagi individu berkenaan dengan faedah yang dibelanjakan untuk membiayai pembelian rumah kediaman pertama. Dengan pindaan ini, seseorang individu layak untuk mendapat suatu potongan perseorangan sebanyak tujuh ribu ringgit bagi rumah kediaman yang berharga tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit dan lima ribu ringgit bagi rumah kediaman yang berharga lebih daripada lima ratus ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada tujuh ratus lima puluh ribu ringgit, selagi perjanjian jual beli yang berkenaan disempurnakan antara 1 Januari 2025 dan 31 Disember 2027, jika individu itu memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam seksyen itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

9. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda perenggan 47(1)(b) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa amaun bagi potongan perseorangan seorang suami yang isterinya ialah orang kurang upaya dinaikkan daripada lima ribu ringgit kepada enam ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

10. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda perenggan 48(2)(b) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa potongan untuk seseorang individu yang membayar bagi pembiayaan setiap anaknya yang belum berkahwin yang dibuktikan sebagai kurang upaya dari segi fizikal atau mental dinaikkan daripada enam ribu ringgit kepada lapan ribu ringgit bagi setiap anak.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

11. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda subseksyen 49(1b) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa potongan kepada seseorang individu yang membayar premium bagi insurans pendidikan atau bagi kemudahan perubatan dinaikkan daripada tiga ribu ringgit kepada empat ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

12. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda proviso kepada subseksyen 107c(8) Akta 53 untuk membolehkan mana-mana syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi untuk mengemukakan anggaran yang disemak bagi suatu tahun taksiran mengikut subseksyen 107c(7) Akta 53 jika arahan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 107c(8) Akta 53 dikeluarkan sebelum bulan kesebelas tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

13. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 108 Akta 53 untuk menghendaki suatu syarikat, apabila dibayar, dikreditkan atau diagihkan dividen yang disifatkan diperoleh dari Malaysia menurut seksyen 14 Akta 53, untuk mengemukakan kepada pemegang syer individu suatu perakuan yang menyatakan amaun kasar dividen itu dan amaun dividen yang dibayar atau dikreditkan, atau jika dividen itu termasuk harta selain wang, turut dinyatakan nilai pasaran harta itu pada masa pengagihan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

14. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu XXII ke dalam Jadual 1 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa cukai pendapatan hendaklah dikenakan pada kadar dua peratus terhadap setiap ringgit pendapatan yang boleh dikenakan cukai individu daripada dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan oleh suatu syarikat dan dividen itu disifatkan menurut seksyen 14 Akta 53 sebagai diperoleh dari Malaysia yang melebihi satu ratus ribu ringgit. *Fasal 16* juga bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi individu yang mempunyai apa-apa punca pendapatan lain di samping dividen.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

15. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda perenggan 12B Jadual 6 kepada Akta 53.

*Perenggan 17(b)* bertujuan untuk meminda perenggan 12B Jadual 6 kepada Akta 53 yang dinomborkan semula sebagai subperenggan 12B(1) Jadual 6 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pengecualian di bawah subperenggan itu hendaklah terpakai bagi seseorang selain individu.

*Perenggan 17(c)* bertujuan untuk memasukkan subperenggan baharu 12B(2) ke dalam Jadual 6 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada seseorang individu bagi amaun yang tidak melebihi satu ratus ribu ringgit dan apa-apa potongan yang berhubungan dengannya adalah tidak diambil kira bagi maksud penentuan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi individu itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2025 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

16. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 169.

*Perenggan 19(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(2) Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa cukai keuntungan harta tanah hendaklah dikenakan atas setiap ringgit daripada amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru kepada seseorang yang boleh dikenakan cukai dalam suatu tahun taksiran dan bukan daripada jumlah amaun keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran itu. Dengan pindaan ini, cukai adalah dikenakan secara berasingan atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru atas setiap pelupusan harta tanah.

*Perenggan 19(b)* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (2A) ke dalam Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa keuntungan yang boleh dikenakan cukai atas setiap pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai bagi suatu tahun taksiran adalah ditentukan secara berasingan dan dikira sebagai suatu keuntungan yang boleh dikenakan cukai berasingan daripada setiap pelupusan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

17. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 169.

*Perenggan 20(a)* bertujuan untuk meminda perenggan 7(4)(a) Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa suatu kerugian yang boleh dibenarkan berkenaan dengan suatu pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai dalam suatu tahun taksiran hanya boleh dibenarkan sebagai potongan untuk mengurangkan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dalam pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai berikutnya dalam tahun taksiran yang sama.

*Perenggan 20(b)* bertujuan untuk meminda perenggan 7(4)(b) Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa sekiranya kerugian yang boleh dibenarkan tidak boleh dipotong dalam suatu tahun taksiran oleh sebab tidak cukupnya atau tidak adanya keuntungan yang boleh dikenakan cukai dalam tahun taksiran itu, kerugian yang boleh dibenarkan itu hendaklah dibenarkan sebagai potongan terhadap keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya yang mempunyai jumlah keuntungan yang boleh dikenakan cukai daripada pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai yang lebih awal dan bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehingga semua amaun kerugian yang boleh dibenarkan telah dibenarkan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

18. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang boleh dikenakan cukai hendaklah ditaksir bagi mana-mana tahun taksiran berkenaan dengan amaun keuntungannya yang boleh dikenakan cukai yang terakru atas setiap pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen 3(2) Akta 169.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

19. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 169.

*Perenggan 22(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 21(1A) Akta 169 berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri. Pindaan yang dicadangkan ini memperuntukkan bahawa apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah suatu taksiran atas penyata yang dibuat di bawah subseksyen 14(1) Akta 169 hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh pelupusan.

*Perenggan 22(b)* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 21(4) Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa kenaikan sebanyak sepuluh peratus akan dikenakan atas apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen 21(1A) Akta 169 yang tidak dibayar dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh pelupusan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

#### PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949.

20. *Fasal 24* bertujuan untuk meminda seksyen 20A Akta 378 untuk mengenakan duti *ad valorem* atas pertukaran harta tanah sebagai suatu pemindahhakan semasa jualan tanpa mengira sama ada pertukaran itu melibatkan suatu balasan. Pindaan yang dicadangkan juga memperuntukkan bahawa pertukaran harta tanah antara pihak-pihak tertentu tidak tertakluk kepada duti *ad valorem*.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.



21. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 36CA dan seksyen 36CB ke dalam Akta 378.

Seksyen baharu 36CA bertujuan untuk memberi Pemungut kuasa untuk membangkitkan taksiran tambahan jika terdapat apa-apa bentuk fraud atau keingkaran sengaja atau kecuaiian berkenaan dengan duti atas surat cara yang berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri duti setem.

Seksyen baharu 36CB bertujuan untuk memperuntukkan bahawa duti minimum sepuluh ringgit dikenakan atas suatu surat cara jika duti itu adalah kurang daripada sepuluh ringgit kecuali bagi cek dan nota kontrak.

Seksyen baharu 36CA mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026, manakala seksyen baharu 36CB mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

22. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 47A Akta 378 untuk mengadakan peruntukan bagi rujukan silang kepada seksyen 43 Akta 378 berhubung dengan pengenaan penalti atas cek dan nota janji hutang yang tidak dikemukakan dengan suatu penyata di bawah seksyen baharu 35A Akta 378 yang dicadangkan untuk dimasukkan melalui Rang Undang-Undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2024 kepada Pemungut dalam tempoh tiga puluh hari selepas kali pertama ia diterima di Malaysia. Sebagai tambahan, pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk menggantikan subseksyen (1) dengan mengadakan peruntukan bagi penalti baharu seperti yang berikut:

- (a) lima puluh ringgit atau sepuluh peratus amaun duti yang terkurang bayar jika surat cara itu disetemkan dalam tempoh tiga bulan selepas masa untuk penyeteman; atau
- (b) satu ratus ringgit atau dua puluh peratus amaun duti yang terkurang bayar jika surat cara itu disetemkan selepas tempoh tiga bulan selepas masa untuk penyeteman.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

23. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 378.

*Perenggan 27(a)* bertujuan untuk menggantikan butiran 12 Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk mengadakan peruntukan bagi kadar duti bagi suatu surat cara penyerahhakan polisi insurans nyawa secara pemberian atau amanah dan kadar duti itu bergantung kepada amaun jumlah yang diinsuranskan di bawah polisi itu.

*Perenggan 27(b)* bertujuan untuk meminda subbutiran 22(6) Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk menjelaskan bahawa surat cara bagi menjamin bayaran atau bayaran balik wang bagi pembelian barang dalam erti yang diberikan di bawah Jadual Pertama kepada Akta Sewa Beli 1967 [*Akta 212*] mengikut mana-mana prinsip Syariah atau sewa beli konvensional boleh dikenakan duti sepuluh ringgit.

*Perenggan 27(c)* bertujuan untuk meminda butiran 29 Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk menaikkan kadar duti yang boleh dikenakan atas surat cara cek daripada lima belas sen kepada satu ringgit bagi setiap cek yang dikeluarkan.

*Perenggan 27(d)* bertujuan untuk meminda subsubbutiran 32(e)(i) Jadual Pertama kepada Akta 378 berbangkit daripada kemasukan subbutiran 32(aa) Jadual Pertama kepada Akta 378 yang memperkenalkan kadar duti bagi suatu surat cara berhubung dengan pemindahhakan, penyerahhakan, pindah milik atau bil jualan mutlak bagi apa-apa harta kepada suatu syarikat asing atau seseorang yang bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap.

*Subperenggan 27(e)(i)* bertujuan untuk meminda subbutiran 49(a) Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk memotong nilai ambang dua ribu empat ratus ringgit dalam butiran 49 bagi suatu surat cara berhubung dengan sewa atau pajakan daripada dikenakan duti setem. Kadar duti yang boleh dikenakan dinaikkan daripada satu ringgit, dua ringgit atau empat ringgit kepada satu ringgit, tiga ringgit, lima ringgit atau tujuh ringgit bagi setiap dua ratus lima puluh ringgit atau sebahagian daripada dua ratus lima puluh ringgit mengikut tempoh sewaan. Kadar ini juga terpakai bagi suatu surat cara yang sewa atau pajakan berjumlah dua ribu empat ratus ringgit dan ke bawah setahun.

*Subperenggan 27(e)(ii)* bertujuan untuk meminda subbutiran 49(e) Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk menggantikan perkataan “Pesuruhjaya” dengan perkataan “Pemungut” bagi maksud keseragaman rujukan dalam Akta 378.

*Perenggan 27(f)* bertujuan untuk meminda butiran 59 Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk mengenakan duti *ad valorem* bagi surat kuasa wakil yang melibatkan pemindahhakan harta tanah.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

## PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

24. *Fasal 29* bertujuan untuk menggantikan subperenggan 3A(4) Jadual Pertama kepada Akta 543 untuk menjelaskan bahawa apa-apa amaun potongan berhubung dengan orang yang boleh dikenakan cukai yang mula-mula disebut tidak diambil kira bagi maksud menentukan pendapatan larasan bagi orang yang boleh dikenakan cukai yang mula-mula disebut itu kerana perbelanjaan penerokaan yang layak melebihi pendapatan kasar orang yang boleh dikenakan cukai yang kedua yang disebut, lebih perbelanjaan itu hanya boleh dibenarkan untuk dipotong daripada pendapatan kasar orang yang boleh dikenakan cukai yang kedua yang disebut itu bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

## PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN 2012

Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2012.

25. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(4) Akta 742 untuk melanjutkan tempoh potongan oleh seseorang individu bagi bayaran premium bagi anuiti tangguhan dan caruman yang dibuat kepada skim persaraan swasta hingga tahun taksiran 2030.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

## PINDAAN KEPADA AKTA KEWANGAN (NO. 2) 2023

Bab VII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kewangan (No. 2) 2023.

26. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 851, yang bertujuan untuk meminda peruntukan Akta 53.

*Subperenggan 33(a)(i)* bertujuan untuk meminda takrif “Piawaian Perakaunan Kewangan Boleh Diterima” dalam subseksyen 157(1) Akta 53 dengan memotong perkataan “Malaysia” memandangkan sebutan itu tidak lagi diperlukan kerana Malaysia telah menerima pakai Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa.

*Subperenggan 33(a)(ii)* bertujuan untuk meminda takrif “Entiti Pelaburan” supaya takrif itu termasuklah Entiti Pelaburan Insurans.

*Subperenggan 33(a)(iii)* bertujuan untuk memasukkan takrif “Kredit Cukai Boleh Pindah Boleh Dipasarkan” selaras dengan pindaan kepada Model Kaedah-Kaedah GloBE.

*Perenggan 33(b)* bertujuan untuk meminda subseksyen 162(2) Akta 53 bagi menjelaskan formula bagi Nisbah Kemasukan Entiti Induk bagi Entiti Konstituen Bercukai Rendah dalam suatu Tahun Kewangan yang terpakai bagi maksud seksyen 162 Akta 53.

*Perenggan 33(c)* bertujuan untuk meminda seksyen 164 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa bagi maksud Cukai Tokokan Domestik, Pendapatan atau Kerugian Bersih Perakaunan Kewangan Entiti Konstituen yang terletak di Malaysia hendaklah ditentukan berdasarkan penyata kewangan Entiti Konstituen itu yang disediakan mengikut piawaian perakaunan yang dibenarkan di Malaysia, tertakluk kepada kehendak lain dalam seksyen itu.

*Perenggan 33(d)* bertujuan untuk meminda subseksyen 165(10) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa Kredit Cukai Boleh Pindah Boleh Dipasarkan hendaklah dianggap sebagai pendapatan dalam pengiraan Pendapatan atau Kerugian GloBE bagi Entiti Konstituen supaya peruntukan itu selaras dengan pindaan kepada Model Kaedah-Kaedah GloBE.

*Subperenggan 33(e)(i)* bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu (5)(e) ke dalam seksyen 169 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa jumlah Kredit Cukai Boleh Pindah Boleh Dipasarkan yang direkodkan sebagai suatu pengurangan kepada perbelanjaan cukai semasa merupakan salah satu Penambahan Cukai yang Diliputi.

*Subsubperenggan 33(e)(ii)(A)* bertujuan untuk meminda perenggan 169(6)(b) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa jumlah kredit atau bayaran balik selain Kredit Cukai Boleh Dikembalikan Bersyarat atau Kredit Cukai Boleh Pindah Boleh Dipasarkan yang tidak direkodkan sebagai suatu pengurangan kepada perbelanjaan cukai semasa merupakan salah satu Pengurangan kepada Cukai yang Diliputi.

*Subsubperenggan 33(e)(ii)(B)* bertujuan untuk meminda perenggan 169(6)(c) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apa-apa jumlah Kredit Cukai Boleh Dikembalikan Bersyarat atau Kredit Cukai Boleh Pindah Boleh Dipasarkan yang dikreditkan atau dibayar balik kepada suatu Entiti Konsituen tetapi tidak dianggap sebagai suatu pelarasan terhadap perbelanjaan cukai semasa Entiti Konstituen itu bukan suatu Pengurangan kepada Cukai yang Diliputi.

*Perenggan 33(f)* bertujuan untuk meminda subseksyen 173(6) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa pelarasan yang disebut dalam subseksyen itu ialah pelarasan yang dibuat di bawah subseksyen 173(1) hingga (5) Akta 53.

*Perenggan 33(g)* bertujuan untuk memotong subseksyen 176(2) Akta 53 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 164 Akta 53.

*Subperenggan 33(h)(i)* bertujuan untuk meminda formula berhubung dengan butiran C bagi subseksyen 177(1) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa subseksyen 169(3) dan (4) Akta 53 hendaklah dibaca bersama bagi menentukan jumlah yang dianggap sebagai Cukai Tokokan Multinasional Semasa Tambahan.

*Subperenggan 33(h)(ii)* bertujuan untuk meminda formula berhubung dengan butiran D bagi subseksyen 177(1) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa butiran D ialah amaun yang boleh dibayar di bawah suatu Cukai Tokokan Domestik Bersyarat yang dikenakan terhadap Entiti Konstituen yang terletak di negara lain.

*Perenggan 33(i)* bertujuan untuk meminda subseksyen 180(9) Akta 53 untuk menjelaskan bahawa kerugian kemerosotan nilai hendaklah termasuk dalam pengiraan nilai buku semasa Aset Ketara Yang Layak.

*Subperenggan 33(n)(i)* dan *(iii)* bertujuan untuk meminda subseksyen 220(1) dan (5) Akta 53 untuk menjelaskan rujukan dalam subseksyen itu.

*Subperenggan 33(n)(ii)* bertujuan untuk meminda subseksyen 220(4) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pemakaian subseksyen itu tertakluk kepada subseksyen 220(6) Akta 53.

*Perenggan 33(o)* bertujuan untuk meminda perenggan 239(b) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa sebutan mengenai “pendapatan mana-mana orang atau perkongsian” dalam takrif “bahan yang terkelas” dalam subseksyen 138(5) Akta 53 hendaklah diambil kira sebagai sebutan mengenai “cukai mana-mana Entiti Konstituen”.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada tarikh dan mengikut cara yang sama dengan seksyen 30 Akta Kewangan (No. 2) 2023 mula berkuat kuasa.

#### AM

27. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3393]